

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANIZATION (ACO) &
NAIB PRESIDEN INTERNATIONAL
COOPERATIVE ALLIANCE-ASIA AND
PASIFIC (ICA-AP)**

**MAJLIS MALAM APRESIASI RAKAN
NIAGA KORPORAT MYANGKASA
AMANAH BERHAD (MAAB) 2025**

**30 JANUARI 2026 (JUMAAT)
8.00 MALAM
TAMING SARI 1, ROYALE CHULAN
KL**

Bismillahirrahmaanirrahim.

jemputan untuk turut bersama dalam malam penghargaan ini.

3. Majlis seperti ini sememangnya diadakan setiap tahun bagi meraikan dan menghargai rakan niaga MAAB dalam bersama-sama menjulang kejayaan MAAB.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian

4. Malam ini adalah satu penghormatan kepada rakan niaga korporat yang telah menjadi nadi penggerak kejayaan MyANGKASA Amanah Berhad, khususnya sepanjang tahun 2025. Kehadiran **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan** semua mencerminkan semangat kerjasama serta komitmen tinggi dalam memacu kemajuan ekonomi bersama.
5. Sokongan dan sumbangan daripada **institusi perbankan, koperasi, agensi**

takaful, GLC dan syarikat korporat telah membantu memperkukuhkan kedudukan MAAB sebagai entiti yang dihormati dalam bidang perancangan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Kerjasama strategik ini membuktikan bahawa kejayaan tidak dapat diraih secara individu tetapi memerlukan usaha kolektif yang berterusan.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian

6. Sebagai Presiden ANGKASA dan juga mantan Pengerusi Lembaga Pengarah MyAngkasa Amanah yang pertama, saya ingin menegaskan komitmen kami untuk terus menyokong MAAB serta inisiatif yang memperkukuh jaringan keusahawanan dan memperkasakan sektor koperasi.

7. MAAB adalah **satu-satunya syarikat amanah di bawah sektor koperasi, dimiliki sepenuhnya oleh ANGKASA.** Kedudukan ini amat istimewa kerana ia membuktikan koperasi mampu melaksanakan tadbir urus yang telus dan profesional.
8. Dengan produk perancangan harta pusaka yang inklusif, mampu milik, serta boleh didaftarkan secara digital, perkhidmatan MAAB diyakini akan menjadi pilihan semua lapisan masyarakat sama ada B40, M40 mahupun T20.
9. Saya melihat MAAB yang telah beroperasi memasuki tahun ke-13 pada tahun ini telah menunjukkan perkembangan dan pencapaian yang memberangsangkan melalui usahasama dengan pelbagai institusi kewangan, korporat serta koperasi. Saya berharap Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan/Puan terus teguh

menyokong MAAB dalam berjuang mengharungi tahun-tahun seterusnya.

10. Sebagai Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) saya juga melihat peluang dan ruang di peringkat ASEAN untuk membantu anak-anak syarikat di bawah ANGKASA agar terus berkembang maju di peringkat luar supaya memberi manfaat kepada Gerakan Koperasi. Namun begitu, kerjasama yang dijalinkan di Malaysia perlu terus dipertingkatkan dan dipergiatkan.
11. Tuan-Tuan dan Puan-Puan tidak perlu risau, ini komitmen saya selaku Presiden ANGKASA supaya apa yang ada kita terus perkemaskan dan pada masa yang sama kita terokai peluang yang baru.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan

12. Berita baik kepada seluruh **1.2 juta penjawat awam**: buat julung-julung kalinya, MAAB melalui ANGKASA menawarkan peluang untuk mendaftar produk perancangan harta pusaka dengan bayaran secara bulanan melalui **potongan gaji ANGKASA**.
13. Dengan adanya kemudahan ini, proses perancangan harta pusaka menjadi lebih mudah diuruskan tanpa beban kewangan yang berat. Inisiatif ini selaras dengan semangat **Malaysia Madani** yang menekankan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat.
14. Saya percaya, MAAB amat komited untuk memastikan semua penjawat awam mendapat akses kepada khidmat perancangan harta pusaka yang berkualiti tinggi melalui kerjasama ini.

15. Dalam era globalisasi dan digitalisasi ini, cabaran yang dihadapi semakin kompleks. Namun, saya percaya bahawa dengan kesepaduan dan kerjasama yang kukuh kita mampu menempuh cabaran ini dengan jayanya.

16. Sebagai rakan strategik MyAngkasa Amanah Berhad, tuan-tuan dan puan-puan adalah penggerak utama yang memastikan nilai-nilai integriti, akauntabiliti, dan profesionalisme terus diterapkan dalam setiap tindakan kita.

17. Saya juga berbangga dengan penglibatan bank-bank koperasi seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Coop-Bank Pertama (CBP) turut sama dalam kejayaan sebuah syarikat amanah yang satu-satunya adalah milik sektor koperasi selain bank-bank komersial yang menjadi penyumbang

utama seperti BSN, Agrobank dan lain-lain.

18. Saya juga dimaklumkan bahawa jaringan kerjasama MAAB semakin meluas dengan penyertaan beberapa agensi takaful yang besar seperti Al-Isra' Wealth Management, Qaizer Consultancy dan lain-lain.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang diraikan,

19. Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja MyANGKASA AMANAH BERHAD serta rakan rakan strategik MAAB atas komitmen dan dedikasi dalam membantu masyarakat dalam menyiapkan perancangan Harta Pusaka.

20. Saya berharap agar rakan-rakan strategik terdiri daripada pelbagai sektor ini akan terus teguh menyokong MAAB dan bersama-sama kita membina ekosistem ekonomi rakyat yang progresif, inklusif dan mampan.
21. Akhir kata saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima penghargaan pada malam ini. Semoga hubungan strategik yang terjalin ini akan terus berkembang maju dan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.
22. Dengan lafaz yang suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan MALAM APRESIASI RAKAN NIAGA KORPORAT MYANGKASA AMANAH BERHAD 2025.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.